

Mata pelajaran : **Geografi**
Tingkatan : **2**
Tema : **Petempatan (Tema 5)(5.4)**
Tajuk : **Fungsi petempatan luar bandar dan bandar.**

Soalan kurikulum

Soalan Penting : 1. Apakah kesannya kepada dunia jika tiada lagi kawasan pertanian?

Soalan Unit : 1. Senaraikan fungsi petempatan luar bandar.
2. Huraikan fungsi petempatan dari aspek ekonomi.

Soalan Kandungan : 1. Bagaimanakah fungsi petempatan boleh berubah?
2. Bandingkan fungsi petempatan luar bandar dengan bandar di Malaysia?

Objektif pembelajaran

Pada akhir projek, pelajar dapat :

1. Mempersiapkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis.
2. Mempersiapkan projek dalam bentuk power point dan model.
3. menyiapkan mempamerkan dan mengedarkan brosur projek.

Ringkasan pelajaran

Fungsi petempatan luar bandar biasanya berkaitan pengeluaran dan pengumpulan hasil-hasil pertanian. Petempatan luar bandar yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk memenuhi keperluan penduduk antaranya fungsi perkhidmatan seperti pusat pentadbiran kecil, pusat kesihatan kecil dan pusat pendidikan kecil (sekolah) petempatan ditepi sungai, tasik atau laut. Fungsinya adalah sebagai pusat aktiviti nelayan, perahu tambang, atau pengkalan feri. petempatan luar bandar akan berkembang bergantung kepada sumber alam yang terdapat disuatu kawasan seperti Kertah, Teranganu. Kertah telah berkembang menjadi bandar kerana perlombongan petroleum dan gas asli.

Prosedur

Pra – projek

1. Guru memilih pelajar dalam kumpulan (4 hingga 5 Orang)
2. Guru membincangkan dan memberi tajuk projek.
3. Guru menjelaskan tentang jadual dan keadah pelaksanaan projek

4. Pelajar membincangkan soalan penting (Essential Question).

Minggu 1

1. Perbincangan pembahagian tugas mengikut kemahiran dan minat pelajar.
2. Pelajar mendapatkan maklumat berkaitan melalui buku teks, internet, majalah, arkib negara dan lain-lain.
3. Pelajar melakukan kajian lapangan dan temubual untuk tapak yang telah dikenalpasti.
4. Mengumpul dan membincangkan matlumat yang diperolehi.
5. Guru dan pelajar mengenalpasti cara persembahan projek yang sesuai.
6. Rubrik penilaian

Minggu 2

1. Pelajar berbincang dengan guru mengenai kaedah dan pemsasaan persembahan.
2. Kumpulan pelajar menyediakan persembahan multimedia dan brosur.
3. pelajar dengan bantuan guru menyediakan model-model susunatur kawasan dengan pola-pola petempatan tertentu yang telah dikenalpasti.
4. Berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek

Minggu 3

1. Kumpulan pelajar mempersembahkan projek mereka dihadapan khalayak yang dipilih.
2. Guru/audien akan membuat ulasan terhadap pembentangan yang dilakukan
3. Penilaian dan perbincangan bedahsiasat hasil projek antara pelajar dan guru..
4. Rubrik penilaian untuk pembentangan.

Jangka masa yang diperlukan

3 minggu

Pengetahuan/ kemahiran sedia ada

1. pengetahuan sedia ada
2. pengetahuan am tentang petempatan
3. kemahiran mengakses internet yang perlu ada pada pelajar sebelum memulakan pelajaran.

Bahan bantu belajar / sumber pembelajaran

1. Teknologi – peralatan (cth- kamera, Komputer Riba,)
2. Teknologi – Perisian (cth Ms Power Point, Ms Word, pemproses imej, pangkalan data, E-mel)
3. Bahan bercetak – buku teks, jurnal, majalah, buku perpustakaan dan lain-lain
4. Sumber internet – laman web (Google Earth, wikipedia dan lain-lain)
5. lain-lain – mounting board, plastisin, polistrin